



Rujukan : JPA.(S).600-1/3/44 (2)
Tarikh : 9 Januari 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/
Puan,*

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)
CERAIAN UP.5.1.2: PEMBERIAN INSENTIF BERASASKAN PRESTASI
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. Selaras dengan pekeling ini, Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) juga telah diperkenalkan sebagai galakan bagi meningkatkan motivasi kerja dan mengekalkan kecemerlangan prestasi pegawai Kumpulan Pelaksana.

3. Sehubungan itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam pekeling tersebut, pelaksanaan BIPs akan diperincikan melalui panduan yang berasingan, iaitu di bawah **Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.2: Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi**

Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan.

4. Ceraian UP.5.1.2 boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan dasar dan pelaksanaan BIPs bagi Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan. Ceraian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

5. Ketetapan ini juga turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ASRI BIN MOHAMED ALI)

b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam